

03 NOV 2001

ASEAN; SESI KHAS MENGENAI HIV/AIDS ISNIN INI

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Nov (Bernama) -- Pemimpin Asean dijangka mengemukakan pelan tindakan empat tahun sehingga 2005 untuk mencegah penularan HIV dan Aids di rantau ini semasa Persidangan Kemuncak Asean di sini Isnin ini.

Para pemimpin negara anggota Asean itu dijangka menegaskan sokongan mereka kepada pelan tindakan serantau itu, yang dihasilkan ekoran idea yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Asean, Rodolfo C. Severino Jr, berkata hari ini bahawa Aids adalah masalah yang merentasi sempadan negara.

"Jika kita tidak bekerjasama rapat dalam usaha merumuskan dasar dan mengambil tindakan, kita tidak akan berjaya mengurangkan penularan penyakit ini di kalangan negara anggota Asean," katanya.

Beliau berkata tumpuannya ialah kepada pekerja asing dan golongan penduduk yang mudah terkena penyakit itu seperti nelayan, pelaut, pemandu trak dan buruh kontrak yang selalu berpindah dan tidak memperolehi maklumat secukupnya mengenai penyakit itu.

Menurut fakta terbaru Aids bagi negara Asean, Thailand mempunyai jumlah tertinggi kes HIV yang dilaporkan sebanyak 984,000, Indonesia (80,000-120,000), Kemboja (241,000), Laos (61,130), Malaysia (38,340), Myanmar (31,453), Filipina (5,000-13,000), Singapura (4,000), Vietnam (anggaran 200,000 menjelang 2005) dan Brunei (20).

-- BERNAMA

DC NMO